



جَلِيلِيْنَ اَكْمَلَ اِسْلَامِيَّ اَنْ عَادَهُ دِسْمَ مَلَائِيْقَهُ  
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

## KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang beralamat di **Negeri Pahang** (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi perkara berikut :

PERIHAL	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP
<b>MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG</b>  <b>MUIP/SH/2024/003</b>	020601	<b>TARIKH : 15 FEBRUARI 2024</b>  <b>MASA : 12.00 TENGAHARI</b>

2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi melalui laman web MUIP [www.muip.gov.my](http://www.muip.gov.my) bermula pada **08.02.2024**
3. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis dengan tajuk serta nombor sebut harga di atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di alamat seperti berikut :

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,  
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,  
JALAN ISTANA PERMAI,  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
U/P : UNIT ASET, STOR & PEROLEHAN

4. Tawaran hendaklah sah sehingga **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.
5. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang jawapan selepas 2 bulan dari tarikh iklan ditutup.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh berhubung dengan **Unit Aset, Stor Dan Perolehan, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang**.

**TARIKH : 08.02.2024**

## **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,  
JALAN ISTANA PERMAI,  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR.**

### **SEBUT HARGA**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER  
PENCETAK KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM  
MELAYU PAHANG**

**MUIP/SH/2024/003**

## SENARAI SEMAK

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	1
2.	SYARAT-SYARAT AM	5
3.	SYARAT-SYARAT KHAS	8
4.	LAMPIRAN Q – ARAHAN PERBENDAHARAAN 170	13
5.	JADUAL TAWARAN HARGA	15
6.	SENARAI JENIS TONER DAN MAKLUMAT PENGHANTARAN	16
7.	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI	17
8.	SURAT AKUAN PEMBIDA	19
9.	MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PEMBEKAL	20
10.	SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT	22
11.	SALINAN SIJIL-SIJIL DAN BORANG-BORANG PENDAFTARAN BERKAITAN	23
12.	SALINAN PENYATA AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	24
13.	SURAT SOKONGAN SEBAGAI PENGETAHUAN/ PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL /EJEN YANG SAH	25
14.	DOKUMEN SOKONGAN/SIJIL-SIJIL PEROLEHAN HIJAU (SEKIRANYA ADA)	26
15.	SURAT PENGESAHAN BANK /INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT DARIPADA BANK /INSTITUSI KEWANGAN YANG DIBERI	27
16.	PROFIL SYARIKAT	28

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS  
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

Dokumen berikut hendaklah dikemukakan semasa penyerahan dokumen sebut harga.  
Sila tandakan ( / ) bagi dokumen-dokumen yang disertakan

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH J/K PEMBUKA PETI SEBUT HARGA
1.	Lampiran Q (AP No. 170)		
2.	Jadual Pematuhan Spesifikasi		
3.	Surat Akuan Pembida		
4.	Maklumat Am Latar Belakang Pembekal		
5.	Senarai Pengalaman Syarikat		
6.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia beserta Kod Bidang Yang Didafarkan (MOF) * <b>KOD BIDANG : 020601</b>		
	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).		
	Salinan Sijil Pendaftaran dari <b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b> , atau <b>Borang D</b> atau <b>Borang E</b> atau Salinan Sijil Pendaftaran dari <b>Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)</b> atau <b>Lesen Perniagaan</b> yang berkaitan berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat. Bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, Penyebut harga dikehendaki memajukan <b>Borang 8 (Berhad)</b> atau <b>Borang 9 (Sendirian Berhad); Borang 24; dan Borang 49 SSM</b> ; atau <b>Carian SSM e-info</b> .		
	Salinan <b>Borang 13 SSM</b> atau Carian SSM e-info sekiranya syarikat bertukar nama.		
	Salinan Sijil Pendaftaran <b>Cukai Jualan &amp; Cukai Perkhidmatan (CJCP)</b> dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), jika berdaftar.		
	Salinan Resit Bayaran Zakat Perniagaan (Syarikat) /Zakat Pendapatan (Pemilik Perniagaan) Bagi Tahun (2022/2023)		

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH J/K PEMBUKA PETI SEBUT HARGA
7.	Penyata Bank bagi tiga (3) bulan : <b>NOVEMBER 2023, DISEMBER 2023 dan JANUARI 2024</b>		
8.	Surat Sokongan Sebagai Pengeluar/ Prinsipal/ Pengedar Tunggal /Ejen Yang Sah		
9.	Dokumen Sokongan/Sijil-Sijil Perolehan Hijau (JIKA ADA)		
10.	Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi (JIKA ADA)		
11.	Profil Syarikat (TERKINI)		

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK KEGUNAAN MUIP
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>No. K.P:</p> <p>Tarikh :</p>	<p>Urusetia Perolehan mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil ..... (jika ada).</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1.0 KENYATAAN TAWARAN

- 1.1 Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat di Pusat Kutipan Zakat Pahang) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang **020601**, dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi perkara berikut:

#### **MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADAJAHLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

- 1.2 Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (Majlis) adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
- 1.3 Penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai sebut harga ini. Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan akan menyebabkan tawaran yang dikemukakan tidak diproses dan tidak dipertimbangkan.

### 2.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA.

- 2.1 Penyebut harga hendaklah **mengisi maklumat dengan tepat, lengkap dan jelas pada semua dokumen sebut harga**.
- 2.2 Lampiran-lampiran kewangan kepada dokumen sebut harga ini hendaklah **lengkap dan ditandatangani** (jika berkenaan) oleh pemilik syarikat atau mana-mana wakil yang diberi kuasa secara bertulis.
- 2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangan ringkas. Dokumen sebut harga yang dipinda atau diperbetulkan tanpa tandatangan ringkas **tidak akan dipertimbangkan**.

### **3.0 PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA**

- 3.1 Tarikh tutup tawaran sebut harga adalah pada **15 FEBRUARI 2024 JAM 12.00 TENGAHARI**. Dokumen sebut harga yang diterima selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan
- 3.2 Tawaran sebut harga yang telah lengkap di isi dengan sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang disediakan di alamat berikut:

**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,  
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,  
JALAN ISTANA PERMAI  
26600 PEKAN  
PAHANG DARUL MAKMUR.**
- 3.3 Dokumen sebut harga hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos ke alamat yang telah ditetapkan pada atau sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga. Jika Dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang alasan berkaitan kelewatan penghantaran dokumen sebut harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 3.4 Majlis tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain sebut harga dihantar. **Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**

### **4.0 PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA**

Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen sebut harga boleh berhubung dengan pihak Majlis seperti mana maklumat berikut:

**RUJUKAN BERKAITAN DOKUMEN SEBUT HARGA**  
**UNIT ASET, STOR DAN PEROLEHAN**  
**NO TEL : 09-4221311 sambungan 1062**

**RUJUKAN BERKAITAN SKOP KERJA DAN MAKLUMAT SPESIFIKASI**  
**UNIT ASET,STOR DAN PEROLEHAN**  
**PEGAWAI RUJUKAN: PUAN ZURAIDA BINTI AHMAD KHIDZIR**  
**NO TEL : 09-4221311 sambungan 1057**

## **5.0 TEMPOH PELAKSANAAN**

Keseluruhan skop kerja perlu diselesaikan dalam tempoh sepetimana surat setuju terima (SST).

## **6.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

## **7.0 TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

## **8.0 PRESTASI BEKALAN**

Penyebut harga adalah bertanggungjawab bagi segala prestasi dan jaminan ke atas barang yang dibekalkan seperti yang telah dimasukkan ke dalam dokumen sebut harga.

## **9.0 PENGHANTARAN BEKALAN**

- 9.1 Penyebut harga yang berjaya mesti membuat penghantaran bekalan atau sebarang ketetapan lain dalam tempoh yang telah ditetapkan sepetimana dinyatakan dalam surat setuju terima (SST).
- 9.2 Sekiranya penyebut harga yang berjaya menjangkakan halangan yang tidak dapat dielakkan akan menyebabkan kelewatan dalam tempoh perlaksanaan yang telah dipersetujui, penyebut harga tersebut hendaklah dengan serta-merta (tidak lebih daripada 7 hari) memaklumkan kepada Majlis tentang kedudukan yang sebenarnya.
- 9.3 Penyebut Harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke **Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang**.

## **10.0 PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG**

- 10.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain kerajaan, sekiranya (syarikat/firma), kakitangan, pengkhidmat atau pekerjaanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh (syarikat/firma) dengan kerajaan, kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis berhak untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada (syarikat/firma) untuk menyatakan sedemikian kepada syarikat.
- 10.2 Kerajaan berhak menuntut daripada syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 10.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa (syarikat/firma) tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

## **11.0 INTEGRITY PACT**

Selaras dengan usaha untuk mencegah rasuah serta meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan, Surat Akuan Pembida hendaklah dilengkapkan dan diserah oleh penyebut harga bersama-sama dokumen sebut harga ini.

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah diguna pakai. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat am ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.

### **1.0 KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU**

- 2.1 Harga yang ditawarkan hendaklah bersih termasuk semua diskauan dan kos tambahan yang berkaitan termasuk kos pembungkusan, penghantaran pemunggahan, pengangkutan dan penghantaran.
- 2.2 Semua harga yang ditawarkan hendaklah dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)** dan dalam angka yang tepat.
- 2.3 **Tempoh sah laku** harga tawaran hendaklah kekal selama **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga dan sebarang **tuntutan kenaikan harga** dalam jangkamasa sah laku harga tawaran **tidak akan dilayan**.
- 2.4 Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang **tidak akan melayan tuntutan bagi bayaran tambahan harga** akibat dari perbezaan antara tafsiran pembekal dengan tafsiran Jabatan mengenai spesifikasi yang ditetapkan.

### **3.0 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4.0 BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5.0 PERSETUJUAN**

- 5.1 Majlis tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- 5.2 Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6.0 PEMERIKSAAN**

- 6.1 Majlis sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan; dan
- 6.2 Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Majlis segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- (iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Majlis untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah dertiakan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**11. INSURAN**

Tiada apa-apa insuran atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**12. CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)**

- 12.1 Harga tawaran oleh Penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran dan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) secara berasingan.
- 12.2 Sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyebut harga termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan serta Penyebut harga yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Penyebut harga akan ditawarkan dengan nilai tawaran termasuk kenaa CJCP.

## **13. BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA**

### **13.1 CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **13.2 PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

## **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **15. BARANG-BARANG DI PESAN DARI LUAR NEGARA**

### **15.1 CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **15.2 MATAWANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.

### **15.3 PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

## **19.0 PENUTUP**

Pembekalan bagi sebut harga ini perlulah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan kepada penyebut harga.

## **SYARAT-SYARAT KHAS**

Penyebut harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat khas sebut harga apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.

### **1.0 HARGA TAWARAN**

- 1.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Ia hendaklah termasuk semua kos membungkus, menghantar, memunggah dan mengangkut.
- 1.2 Penilaian harga adalah berdasarkan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.

### **2.0 BARANGAN**

- 2.1 Semua bekalan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 2.2 **SKOP KERJA** dan **MAKLUMAT SPESIFIKASI** bekalan hendaklah merujuk kepada **MUKA SURAT 15**.
- 2.3 Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 2.4 Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam tawaran ini.

### **3.0 TEMPOH SIAP PEMBEKALAN**

- 3.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menyiapkan keseluruhan skop kerja dalam tempoh sepatimana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.
- 3.2 Pihak Majlis adalah berhak untuk menangguhkan atau mempercepatkan tempoh siap pembekalan bagi memenuhi keperluan semasa.

### **4.0 PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA**

Jika pembekal mendapati apa-apa percanggahan dalam dokumen sebut harga, pembekal hendaklah merujuk kepada pihak Majlis untuk mendapatkan keputusan.

## **5.0 KEGAGALAN PEMBEKAL MELAKSANAKAN PEMBEKALAN DAN PENAMATAN PERLANTIKAN PEMBEKAL**

Dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga yang berjaya dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Majlis boleh terus menamatkan perkhidmatan sekiranya penyebut harga gagal memenuhi terma/ syarat yang telah ditetapkan.

## **6.0 PERUBAHAN ITEM BEKALAN**

Majlis boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakan sesuatu perubahan bekalan/perkhidmatan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Majlis boleh membatalkan Sebutharga ini.

## **7.0 PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan bekalan. Pembekal tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

## **8.0 PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Pembayaran akan dibuat selepas keseluruhan skop kerja selesai dilaksanakan oleh penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga hendaklah mengeluarkan invois kepada Majlis untuk tujuan pembayaran.

## **9.0 KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN**

- 9.1 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen sebut harga ini adalah sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 9.2 Surat Setuju Terima (LOA) yang dihantar oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang kepada penyebut harga ke atas Surat Setuju Terima itu dianggap sebagai kontrak yang mengikut di antara Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan penyebut harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

- 9.3 Penyebut harga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati penyebut harga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak dan disabitkan kesalahan.
- 9.4 Penyebut harga tidak dibenarkan mengesub-sewakan perkhidmatan kepada penyebut harga lain. Penyebut harga tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

## **10.0 DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN**

- 10.1 Penyebut harga yang Berjaya dikehendaki untuk menandatangai satu Dokumen Kontrak Perjanjian sekiranya diminta oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang setelah Surat Setuju Terima (LOA) ditandatangan dengan sempurnanya.
- 10.2 Dokumen Kontrak Perjanjian hendaklah disediakan dalam empat (4) salinan asal dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan serta segala kos berkaitan penyediaan Dokumen Kontrak Perjanjian seperti pengeseteman dan lain-lain, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.

## **11.0 BON PELAKSANAAN**

- 11.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan mengikut Perjanjian Setuju Terima seperti di bawah :
- 11.2 Nilai lebih dari RM200,000.00 sehingga RM500,000.00, kadar peratusan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak 2.5% ke atas jumlah harga tawaran. Manakala, bagi nilai lebih RM500,000.00. Bon Pelaksanaan sebanyak 5% dikenakan ke atas jumlah harga tawaran.
- 11.3 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan berdasarkan format akan ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Bon pelaksanaan akan dipulangkan kepada Penyebut harga selepas dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kontrak dengan syarat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang berpuas hati bahawa syarat-syarat dan obligasi kontrak telah dipenuhi sehingga pembekalan yang terakhir dan semua peralatan berkaitan berkeadaan baik serta memuaskan.

## **12.0 PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN**

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan perkhidmatan sera mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan berkuat kuasa semasa perlaksanaan perkhidmatan/ pembekalan.

## **13.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN**

Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga yang berjaya dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang boleh terus menamatkan perkhidmatan sekiranya penyebut harga gagal memenuhi terma/syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (LOA).

## **14.0 PEMBATALAN SEBUT HARGA**

- 14.1 Pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang berhak membatalkan proses sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi sebarang apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak Penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga sendiri
- 14.2 Sekiranya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bercadang untuk membuat pindaan ke atas dokumen tawaran sebut harga ini, maka Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang boleh berbuat demikian dengan mengeluarkan Notis Sebut Harga kepada semua Penyebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga.

## **15.0 KOS SEBUT HARGA**

Penyebut harga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebut harga. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang tidak bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

## **16.0 AKTA RAHSIA RASMI**

Penyebut harga yang Berjaya adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia bagi setiap maklumat yang diperolehi dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa.

## **17.0 TARIKH KELUARAN BEKALAN**

- 17.1 Penyebut harga adalah dikehendaki memastikan tarikh keluaran bekalan toner oleh pengilang utama mestilah dalam lingkungan empat (4) bulan sebelum tarikh terima bekalan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

17.2 Penyebut harga adalah dikehendaki menggantikan setiap item bekalan toner dengan bekalan baru sekiranya didapati tarikh keluaran bekalan telah melebihi empat (4) bulan sebelum tarikh terima bekalan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Penyebut harga dikehendaki membekal bekalan asli dan original daripada pengilang utama (sila lampirkan Surat Sokongan Sebagai Pengeluar/ Prinsipal/ Pengedar Tunggal /Ejen Yang Sah)

#### **18.0 SPESIFIKASI PRODUK**

Produk toner mestilah mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre* dan mempunyai kriteria guna semula atau kitar semula dan kandungan bahan cemar yang mematuhi ISO 14024 Eko-Label Jenis 1 (seperti *Blue Angel*, *EU Flower*, *Eco Mark* atau *Nordic Swan*) dan mendapat mana-mana skim pelabelan hijau yang diiktiraf oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre*.

**LAMPIRAN Q**  
**( Arahan Perbendaharaan No. 170 )**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga : **MUIP/SH/2024/003**

**(Kew.284-Pin. 5/94)**

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**NEGERI : PAHANG DARUL MAKMUR**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon :

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

.....  
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini : .....

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh :-  
**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,**  
**KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,**  
**JALAN ISTANA PERMAI,**  
**26600 PEKAN,**  
**PAHANG DARUL MAKMUR**

No. Telefon : **09-4221311**

Tarikh : **08 FEB 2024**

1. Sila beri sebut harga bagi bekalan barang-barang / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.

1.1 Syarat-syarat penyerahan kepada **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG, KISHAS, JALAN ISTANA PERMAI, 26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

1.2 Tarikh penyerahan / penyempurnaan dikehendaki akan ditentukan kelak oleh **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

1.3 Arahan Pengiriman : **SERAHAN TANGAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

1.4 Sebut harga mestilah di masukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan bertanda nombor sebut harga No. **MUIP/SH/2024/003**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **15 FEB 2024**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan

Nama Pegawai

: DATO' AHMAD HAIRI BIN HUSSAIN, DSAP.,DIMP.,SAP.,AMP.,PKC

Jawatan

: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG.

Tarikh

: **3/2/24**

BIL.	PERIHAL BEKALAN/PERKHIDMATAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS	JUMLAH HARGA (RM)
	Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan	Untuk diisi oleh penyebut harga
	<p><b>MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG</b>  <b>NO.SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003</b></p> <p><b>NOTA:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>JADUAL TAWARAN HARGA (MUKASURAT:15)</b> HENDAKLAH DILENGKAPKAN DENGAN SEMPURNA DAN BETUL. JUMLAH HARGA KESELURUHAN YANG DITAWARKAN HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP DI LAMPIRAN INI.</li> <li>ii. SENARAI JENIS TONER DAN JADUAL PENGHANTARAN ADALAH SEPERTIMANA <b>MUKA SURAT 16</b>.</li> </ul>	
	<b>JUMLAH HARGA KESELURUHAN TIDAK TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)</b>	
	<b>JUMLAH CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)</b>	
	<b>JUMLAH HARGA KESELURUHAN TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)</b>	

(RINGGIT MALAYSIA :.....)

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/ penyempurnaan adalah \_\_\_\_\_ **MINGGU DARIPADA TARikh SURAT SETUJU TERIMA**

Saya/ Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan dibelakang ini.

**TANDATANGAN PENYEBUT HARGA** :

**NAMA & NO KAD PENGENALAN** :

**TARIKH** :

**COP SYARIKAT** :

**JADUAL TAWARAN HARGA**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS  
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

BIL	JENIS TONER	ANGGARAN KUANTITI PESANAN (UNIT)	HARGA/ UNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1	HP48A	2		
2	HP 151A	18		
3	HP 76A	6		
4	HP 107A	18		
5	HP 79A	35		
6	HP 85A	38		
7	HP 80A	23		
8	CANON PG 89	4		
9	CANON CL 99	4		
10	CANON PG 88	13		
11	CANON CL 98	12		
<b>JUMLAH HARGA KESELURUHAN (RM)</b>				

**TANDATANGAN PENYEBUT HARGA** :

**NAMA & NO KAD PENGENALAN** :

**TARIKH** :

**COP SYARIKAT** :

**SENARAI JENIS TONER DAN JADUAL PENGHANTARAN**  
**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS  
 UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

BIL	JENIS TONER	ANGGARAN KUANTITI PESANAN (UNIT)	ANGGARAN KUANTITI PESANAN MENGIKUT PENGHANTARAN		
			PERTAMA	KEDUA	KETIGA
			MAC/APR 2024	JULAI 2024	OKT 2024
1	HP48A	2	1	-	1
2	HP 151A	18	6	6	6
3	HP 76A	6	2	2	2
4	HP 107A	18	6	6	6
5	HP 79A	35	12	11	12
6	HP 85A	38	13	12	13
7	HP 80A	23	7	8	8
8	CANON PG 89	4	2	1	1
9	CANON CL 99	4	2	1	1
10	CANON PG 88	13	4	5	4
11	CANON CL 98	12	4	4	4

**NOTA PENTING :**

Kuantiti di atas adalah anggaran. Kuantiti sebenar penghantaran adalah berdasarkan pesanan tempatan yang dikeluarkan kepada pembekal.

### **JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI**

### **MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

**ARAHAN:**

1. Penyebut harga dikehendaki mengisi jadual di bawah dengan lengkap.
2. Penyebut harga boleh mengemukakan lampiran tambahan jika ruang tidak mencukupi.
3. Jika terdapat perbezaan atau maklumat tambahan kepada spesifikasi, mohon nyatakan secara jelas di ruangan catatan

BIL	JENAMA	ANGGARAN KUANTITI PESANAN (KESELURUHAN)	NYATAKAN KUANTITI YANG SETUJU DIBEKALKAN	MOHON NYATAKAN : (YA / TIDAK)			CATATAN
				PERAKUAN BAHAWA BEKALAN ADALAH TULEN	PENGHANTARAN MENGIKUT JADUAL PENGHANTARAN YANG TELAH DITETAPKAN	TEMPOH HAYAT BEKALAN (JAMINAN) TIDAK KURANG 12 BULAN DARI TARikh PENGHANTARAN	
1	HP48A	2					
2	HP 151A	18					
3	HP 76A	6					
4	HP 107A	18					
5	HP 79A	35					
6	HP 85A	38					
7	HP 80A	23					
8	CANON PG 89	4					
9	CANON CL 99	4					
10	CANON PG 88	13					
11	CANON CL 98	12					

Adalah dengan ini disahkan bahawa tawaran sebut harga adalah mengikut spesifikasi sepertimana yang dinyatakan dalam jadual pematuhan spesifikasi di atas:

**TANDATANGAN PENYEBUT HARGA** :

**NAMA** :

**NO KAD PENGENALAN** :

**TANDATANGAN SAKSI** :

**NAMA** :

**NO KAD PENGENALAN** :

**TARIKH** :

## SURAT AKUAN PEMBIDA

### MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)

Saya .....

Nombor Kad Pengenalan : ..... yang mewakili

..... Nombor Pendaftaran : .....

dengan ini mengistiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat Pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG** atau mana-mana individu lain sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebutharga seperti diatas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan yang Berkuatkuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cop Syarikat :

Catatan : i) Potong mana yang tidak berkaitan  
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

**MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PEMBEKAL**  
**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS**  
**UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Nama Syarikat	
2.	No. Pendaftaran Syarikat	
3.	Alamat Pendaftaran/Syarikat	
4.	Alamat Surat Menyurat	
5.	Alamat Emel	
6.	No. Telefon dan No. Faks Syarikat	
7.	Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan/JKR/KKD/N/lain-lain ( <b>WAJIB</b> )	
8.	No. Pendaftaran/Kelas <b>(sertakan salinan) (WAJIB)</b>	
9.	Bidang Pendaftaran	
10.	Tarikh daftar dan sah Pendaftaran	
11.	No. Sijil Bumiputera & Tarikh daftar dan sah Pendaftaran	
12.	Hak milik syarikat (Persendirian/Perkongsian/ Koperasi)	
13.	Modal dibenarkan (RM) <b>(Bagi Syarikat Sdn Bhd)</b>	
14.	Modal dibayar (RM) <b>(Bagi Syarikat Sdn Bhd)</b>	
15.	Perniagaan Utama lain <b>(jika ada dan nyatakan sejak bila)</b>	
16.	Kontrak dengan Kerajaan (mohon nyatakan samada syarikat tuan mengalami penggantungan atau penamatkan kontrak dengan Kerajaan oleh sebab pelanggaran syarat-syarat kontrak)	

17. Butir-butir Lembaga Pengarah Syarikat :-

BIL	NAMA DAN JAWATAN	NO. KAD PENGENALAN	WARGANEGERA	MODAL SAHAM DIPEGANG
1.				
2.				
3.				

18. Pengurusan Syarikat (gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi) - (**Sila lampirkan salinan sijil kelulusan professional**)

BIL	NAMA	JAWATAN	PENGALAMAN/ KELULUSAN AKADEMIK/ IKHTIAS
1.			
2.			
3.			

19. Struktur Pengurusan Syarikat :

[ EKSEKUTIF ]

BIL	TARAF	BIL KAKITANGAN	PERATUSAN (%)
1	Bumiputera		
2	Bukan Bumiputera		
3	Bukan Warganegara		

[ BUKAN EKSEKUTIF ]

BIL	TARAF	BIL KAKITANGAN	PERATUSAN (%)
1	Bumiputera		
2	Bukan Bumiputera		
3	Bukan Warganegara		

Saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....  
Tandatangan Penyebut Harga

NAMA :

COP RASMI SYARIKAT :

TARIKH : .....

\*Potong mana yang tidak berkenaan

**SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM  
MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)

**ARAHAH:**

Sila nyatakan senarai pengalaman dalam bidang berkaitan seperti jadual di bawah:

BIL	NAMA PEROLEHAN	NAMA JABATAN / AGENSI YANG TERLIBAT	TAHUN PEROLEHAN	CATATAN

**PERINGATAN:**

1. Senarai pengalaman dalam perkhidmatan tersebut atau yang berkaitan sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun lepas (2020-2022) atau semasa (2023).
2. Sila isikan "TIADA" di ruang yang berkenaan sekiranya Penyebut harga tidak mempunyai pengalaman.
3. Sila kemukakan lampiran tambahan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.

## **SALINAN SIJIL-SIJIL DAN BORANG-BORANG PENDAFTARAN BERKAITAN**

### **MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

#### **ARAHAN:**

**Penyebut harga hendaklah mengemukakan Salinan Sijil-Sijil Dan Borang-Borang Pendaftaran Berkaitan seperti mana berikut:**

- (i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang masih sah dalam kod bidang **020601**.
- (ii) Salinan Sijil “**Taraf Bumiputera**” dari Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).
- (iii) Salinan Sijil Pendaftaran dari **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** atau **Borang D** atau **Borang E** atau Salinan Sijil Pendaftaran dari **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** atau **Lesen Perniagaan Berkaitan** berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat.
- (iv) Bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, Penyebut harga **DIKEHENDAKI** memajukan **Borang 8 (Berhad)** atau **Borang 9 (Sendirian Berhad)**; **Borang 24**; dan **Borang 49; SSM** atau **Carian SSM e-info**.
- (v) Salinan **Borang 13 SSM** atau **Carian SSM e-info** sekiranya syarikat bertukar nama.
- (vi) Salinan Sijil Pendaftaran **Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP)** dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), jika berdaftar.
- (vii) Salinan Resit Bayaran Zakat Perniagaan (Syarikat) /Zakat Pendapatan (Pemilik Perniagaan) Bagi Tahun (2022/2023)

**SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR**  
**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS**  
**UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

**ARAHAN:**

Penyebut harga **HENDAKLAH** mengemukakan Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir bagi bulan **NOVEMBER 2023, DISEMBER 2023 DAN JANUARI 2024.**

**SURAT SOKONGAN SEBAGAI PENGELUAR/ PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL /EJEN  
YANG SAH**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS  
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

**ARAHAN:**

Penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan **SURAT SOKONGAN SEBAGAI  
PENGELUAR/ PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL /EJEN YANG SAH.**

**SILA MAJUKAN SURAT SOKONGAN SEBAGAI PENGELUAR/  
PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL /EJEN YANG SAH  
(WAJIB DISERTAKAN)**

**DOKUMEN SOKONGAN/SIJIL-SIJIL PEROLEHAN HIJAU (SEKIRANYA ADA)**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS  
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

**ARAHAN:**

Penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan **DOKUMEN SOKONGAN/SIJIL-SIJIL (SEKIRANYA ADA)** sepermata berikut :

- i) Sijil **MyHIJAU Mark** daripada **Malaysian Green Technology and Climate Change Centre**
- ii) Lesen Pensijilan **Eko-Label** daripada mana-mana skim pelabelan hijau yang diiktiraf oleh **Malaysian Green Technology and Climate Change Centre**.
- iii) **Dasar Ambil Semula (Buy-back Policy)** yang disediakan oleh pembekal atau pengeluar peralatan tersebut.
- iv) Sijil **ISO 14001 (Environmental Management System)** daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh **Malaysian Green Technology and Climate Change Centre**.

**LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN  
SYARIKAT/KEMUDAHAN KREDIT(JIKA ADA)**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS  
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

**ARAHAN:**

1. Penyebut harga **HENDAKLAH** mengemukakan surat daripada Bank/ Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit yang diterima daripada Bank/ Institusi Kewangan yang berkenaan **sekiranya ada**.
2. Surat ini **HENDAKLAH** dikeluarkan oleh Bank/ Institusi Kewangan yang berkenaan.

**PROFIL SYARIKAT**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS TONER PENCETAK KEPADA MAJLIS  
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

**(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2024/003)**

**ARAHAN:**

1. Penyebut harga **HENDAKLAH** mengemukakan **PROFIL SYARIKAT YANG TERKINI**.